



---

**TEKS UCAPAN  
YB DATO' SERI KONG CHO HA  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PEMBESARAN DAN  
MENAIKTARAF LAPANGAN TERBANG SIBU, SARAWAK  
PADA 16 SEPTEMBER 2012 (AHAD)  
JAM 2.00 PETANG**

Terima kasih saudara dan saudari pengurus majlis

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Patinggi Mohd. Najib bin Tun Hj. Abdul Razak bersama isteri Yang Amat Berbahagia Datuk Amar Rosmah binti Mansor

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud bersama isteri Yang Amat Berbahagia Puan Sri Raghad Kurdi Taib.

Yang Berhormat Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan dan Negeri,

Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menteri Kerajaan Persekutuan dan Negeri,

Ketua-Ketua Jabatan, pemimpin – pemimpin masyarakat

Dif – dif kehormat

Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Hari Malaysia.

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Patinggii Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia kerana sudi bersama kita pada petang ini untuk merasmikan Lapangan Terbang Sibu yang telah diperbesar dan dinaiktaraf bagi memberikan keselesaan dan kemudahan khususnya kepada rakyat di Sibu dan Negeri Sarawak amnya.

Tanggal 16 September 2012, merupakan satu hari yang bersejarah, kerana seluruh rakyat di negara ini menyambut "Hari Malaysia". Pada tahun ini, Negeri Sarawak merupakan tuan rumah sambutan Hari Malaysia yang mana ia akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri di Bintulu pada malam ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Projek Menaiktaraf Lapangan Terbang Sibu ini **bermula pada 13 September 2010 dan siap sepenuhnya pada 12 September 2012**. Tanpa EOT tanpa Cost overrun. Pelaksanaan projek ini mengambil masa selama 24 bulan dengan kos keseluruhan sebanyak **RM136.9 juta**. Di antara kemudahan-kemudahan Lapangan Terbang Sibu yang telah dinaiktaraf melalui projek ini adalah, pembesaran bangunan terminal dari **8,040 meter persegi kepada 15,240 meter persegi**, pemasangan tambahan 2 unit *aerobridge*, tambahan 1 unit *baggage claim carousel* dan penambahan 4 *parking bays* yang membolehkan pemakiran 7 buah pesawat kod C secara serentak.

Manakala, kaunter *check in* telah ditambah dari 8 kepada 18, kaunter imigresen dari 6 kepada 14 kaunter, *security x-ray machine* dari 5 kepada 9 unit, kemudahan ruang tempat letak kereta telah ditambah dari 300 kepada 500 unit dan *forecourt road* dari 4 laluan kepada 6 laluan. Pembinaan 3 buah bangunan baru untuk kemudahan *Central Utilities Building, Engineering Workshop Office* dan *Control Post* turut disediakan. Selain daripada itu, bangunan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) juga telah diperbesarkan dari 500 meter persegi kepada 1,060 meter persegi.

Melalui penaiktarafan ini, ianya telah berjaya meningkatkan kapasiti pengendalian penumpang di Lapangan Terbang Sibu daripada **700,000 penumpang setahun kepada 1.8 juta penumpang setahun**. Dengan adanya penambahan kemudahan seperti ini, ianya akan dapat meningkatkan efisiensi dan kecekapan pengendalian penumpang dari **330 orang sejam kepada 900 orang penumpang sejam pada waktu puncak**.

Projek yang dilaksanakan ini bertujuan meningkatkan keupayaan kemudahan Lapangan Terbang Sibu memandangkan statistik pergerakan penumpang di lapangan terbang ini menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan sejak tahun 2008 sehingga sekarang.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Pada tahun 2008, statistik pergerakan penumpang telah meningkat daripada 830,000 juta kepada 1.13 juta penumpang pada tahun 2011 dan angka ini dijangka akan terus meningkat untuk tahun-tahun berikutnya. Justeru dengan pembesaran dan menaik taraf Lapangan Terbang Sibu ini ia dijangka mampu mengendalikan jumlah penumpang yang lebih besar lagi menjelang 2020.

Untuk makluman para hadirin sekalian, bagi tempoh bulan Jan sehingga bulan Ogos 2012, Lapangan Terbang Sibu telah mengendalikan pergerakan penumpang sebanyak 781,079 orang.

Berbanding dengan 727,097 orang penumpang bagi tempoh yang sama bagi tahun 2011, iaitu pertambahan sebanyak **53, 982 orang** atau peningkatan 3.58%.

Selain daripada itu, Lapangan Terbang Sibu juga berjaya mengendalikan 44 penerbangan sehari yang menghubungkannya dengan Kuala Lumpur, Kuching, Miri, Kota Kinabalu, Bintulu dan Johor Bahru.

Pembesaran Lapangan Terbang Sibu ini juga diharapkan akan dapat menjadi pemangkin kepada perkembangan dan peningkatan ekonomi penduduk tempatan, khasnya di rantau sentral Negeri Sarawak dan ini akan menarik lebih banyak penerbangan serta penumpang ke Sibu. Adalah menjadi harapan Kerajaan Persekutuan untuk melakukan yang terbaik kepada seluruh rakyat Malaysia, tidak kira jauh maupun dekat, asalkan rakyat mendapat manfaat yang besar serta menikmati dan mengecapi hasil pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan sekarang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan. sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia kerana telah sudi untuk merasmikan Lapangan Terbang Sibu yang telah dinaik taraf ini.

Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak serta jentera Kerajaan Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama yang padu dalam menjayakan pelaksanaan projek ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan atas segala bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh semua jabatan-jabatan serta urusetia dalam menjayakan majlis perasmian pada petang ini.

Sekian, terima kasih.